

22 OCT 1998

PERDANA MENTERI ETHIOPIA KUNJUNGI DR MAHATHIR (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Ethiopia Meles Zenawi yang berada di sini untuk lawatan rasmi lima hari, mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Satu mesyuarat delegasi dijadualkan selepas itu bagi membincangkan isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa.

Zenawi, yang melawat Malaysia di atas jemputan Perdana Menteri, diiringi oleh Menteri Perdagangan dan Industri republik itu Kasahaun Ayele, para pegawai kanan kerajaan dan satu delegasi sektor swasta seramai 43 orang.

Terdahulu Zenawi, yang tiba di sini semalam, diberikan sambutan rasmi di Medan Parlimen.

-- BERNAMA

HAK NAK